

30 SEP 2000

BSKL-MINGGUAN/I

BSKL MUNGKIN MENINGKAT BERIKUTAN BERITA PRA-BELANJAWAN 2001

KUALA LUMPUR, 30 Sept (Bernama) -- Berita pra-Belanjawan 2001 yang mesra sentimen mungkin akan meningkatkan harga-harga saham di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) minggu depan.

Terdapat harapan tinggi bahawa BSKL yang tidak bermaya sejak kebelakangan ini, akan melonjak bila masa terdapat sebarang berita mengenai Belanjawan 2001 yang mesra sentimen.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam minggu ini telah memberi gambaran bahawa tahun depan mungkin mencatatkan belanjawan lebih di tengah-tengah ekonomi yang semakin berkembang.

Jika ini berlaku ia akan menandakan belanjawan lebih yang pertama bagi Malaysia setelah dua tahun mengalami defisit.

Para pelabur akan mengikuti sebarang perkembangan atau berita pengumuman baru mengenai Belanjawan yang didajualkan akan dibentangkan pada 27 Okt.

"Jika terdapat (belanjawan) lebih, ini merupakan berita baik bagi Malaysia, kerana ia akan meningkatkan kedudukan Malaysia kepada kitaran pertumbuhan ekonomi baru," kata wakil peniaga kanan dari sebuah syarikat broker saham.

Faktor-faktor lain yang mungkin mempengaruhi sentimen pasaran termasuklah harga minyak petrol yang masih belum diputuskan lagi.

Prestasi pasaran-pasaran saham Amerika Syarikat, di Wall Street dan Nasdaq, akan turut memberi panduan kepada pelabur-pelabur tempatan.

Dalam minggu ini, pasaran pada keseluruhannya ditutup rendah dalam urusniaga yang jumlahnya agak kecil memandangkan para pelabur masih keberatan memasuki pasaran kerana ketiadaan insentif teguh yang boleh meningkatkan minat belian.

Seorang peniaga berkata jumlah dagangan yang agak kecil itu juga mendorong para pelabur menjual, meskipun dana-dana institusi tempatan berada di dalam pasaran menyokong saham-saham mewah.

Kaunter-kaunter perjudian turut terjejas berikutan kegiatan jualan oleh pelabur-pelabur asing.

Indeks Komposit merosot sepanjang minggu ini setelah bergerak dalam jajaran tahap 719.0 mata hingga 740.0 mata.

Peniaga mendapati bahawa jumlah dagangan pasaran mengecil sejak Mac manakala permodalan pasaran pula jatuh 10 peratus sejak awal tahun ini.

Indeks Komposit minggu ini ditutup pada 713.51, dan ini merupakan kejatuhan sebanyak 26.06 mata daripada 739.57 minggu lalu.

Indeks Emas yang mengesan semua saham di Papan Utama ditutup pada 179.94, turun 1.13 mata, manakala Indeks Perusahaan merosot 36.7 mata kepada 1,307.9. Indeks Papan Kedua pula jatuh 5.88 mata kepada 172.31.

Jumlah dagangan di Papan Utama minggu ini ialah sebanyak 454.876 juta saham bernilai RM1.387 bilion, tidak banyak berubah jika dibandingkan dengan jumlah dagangan minggu sebelumnya yang sebanyak 454.625 juta saham bernilai RM1.433 bilion.

Jumlah dagangan di Papan Kedua pula, bagaimanapun, menambah sedikit kepada 38.749 juta saham bernilai RM80.821 juta daripada 35.232 juta saham bernilai RM83.368 juta sebelumnya.

Dagangan langsung merosot kepada 25.723 juta saham bernilai RM79.056 juta daripada 208.975 juta saham bernilai RM677.112 juta sebelumnya.

Mengikut sektor, barangan pengguna diniagakan di Papan Utama sebanyak 11.779 juta saham, barangan perusahaan 33.381 juta, pembinaan 23.055 juta,

perdagangan/perniagaan 143.817 juta, teknologi 5.445 juta, prasarana 3.712 juta, kewangan 55.776 juta, hotel 1.032 juta, properties 21.361 juta, perladangan 13.329 juta, perlombongan 3.770 juta, amanah 271,000, dana tertutup 1.202 juta, pinjaman 10.225 juta dan TSR/Waran 87.970 juta dan dagangan hak 5,000.

Malaysian Resources Corporation merupakan kaunter paling cergas minggu ini dengan sejumlah 13.882 juta saham bernilai RM27.834 juta bertukar tangan. Pan Malaysian Industries pula sebanyak 13.117 juta saham diniagakan (RM4.099 juta), Tenaga Nasional 11.256 juta (RM130.192 juta).

Pembinaan YCS 10.504 juta (RM9.442 juta), Berjaya Group-waran 10.444 juta (RM1.710 juta), Pan Malaysian Industries waran 10.058 juta (RM1.217 juta), Renong waran 9.486 juta (RM335,210), Telekom 9.419 juta (RM93.401 juta), Technology Resources Industries 9.223 juta (RM28.910 juta), dan Resorts World 9.216 juta (RM58.130 juta).

Di Bursa Dagangan Sekuriti dan Sebut Harga Automasi Bhd (Mesdaq), Indeks Komposit Mesdaq lega 0.21 mata kepada 90.23.

Supercomal Technologies Bhd tidak berubah pada RM3.00 tetapi Intelligent Edge Bhd jatuh satu sen kepada RM1.33.

-- BERNAMA

RIZ FR MA